



SAGA EMPAYAR KRISTAL

# SAYAP ADINILA



FIRDAUS ARIFF

“Aku kembali lagi, Empayar Nilam.”

Pemuda itu mengalihkan teropong itu dari mata kanannya lalu memendekkannya. Bunyi ketap menandakan teropong itu telah dikunci rapi. Tiupan angin laut mengembangkan rambut pemuda itu. Matanya pejam sedang hidungnya menghirup sepuas-puasnya bayu laut. Tangannya memegang pagar kapal tersebut.

“Fauzi!”

Pemuda itu menoleh apabila mendengar namanya dipanggil. Seorang lagi pemuda yang kelihatan sebaya datang menghampirinya, uniformnya tidak jauh berbeza daripada Fauzi.

“Shah, ke mana kamu pergi tadi?”

“Saya ke ruang kargo untuk memeriksa senjata Badai dan Jengking bersama Loga. Lihat kalau-kalau ada kerosakan akibat karat dan air laut. Tingkap ruang tersebut tidak ditutup semasa ribut semalam.”

“Ribut semalaman tidak akan merosakkan senjata tersebut. Sekadar keringkan dan bersihkan beberapa bahagian penting sahaja. Bagaimana pula dengan bekalan lembing-lembing jengking dan damak-damak badai?”

“Semuanya disimpan dalam kotak kayu dan dilindungi dengan damar maka tiada sebarang air yang masuk. Kalau berkarat khuatir tersangkut dalam pelancar jengking dan badai pula.”

“Baguslah begitu, senjata yang digunakan untuk pertempuran darat tidak selasak jengking dan badai yang dipasang pada kapal Taufan ini. Sungguhpun kita sudah hampir ke Empayar Nilam persenjataan kita perlu dalam keadaan terbaik. Bila-bila masa sahaja pasukan Harimau Nilam boleh dipanggil bertugas.”

Shah melemparkan pandangannya kepada kepulauan yang semakin jauh mereka tinggalkan, “Kita tidak jadi singgah di Langkasuka?”

Fauzi menggeleng, “Tidak, perancangan awal adalah untuk melawat mendaku di sana terlebih dahulu. Setelah berfikir kembali, aku ubah fikiran untuk singgah dalam perjalanan kembali ke Sorgut. Tambahan pula, bonda Waqi kurang sihat maka aku fikir ada baiknya kita kembali ke Kota Bentayan dahulu. Pasukan Harimau Nilam juga sudah beberapa purnama bertugas di luar negara, sudah tiba masanya mereka kembali bersama kaum keluarga.”

“Kita lebih lama daripada itu, hampir setahun kita belajar di Akademi Tentera Aziziah. Setahun jugalah kita tidak berjumpa kaum keluarga.”

“Juga bersedia untuk menukar kepada sisi kehidupan kita yang lain, sudah tersedia banyak acara yang memerlukan kehadiranku sebagai Putera Mahkota Empayar Nilam.”

“Harimau Nilam juga akan kembali melakukan tugas asal mereka sebagai pasukan pengawal untuk Putera Mahkota. Tugas sebegitu semacam cuti bagi mereka kerana hanya sebahagian kecil yang perlu bertugas pada satu-satu masa.”

Putera Fauzi tersenyum, “Kehadiran mereka hanya untuk memenuhi protokol, aku boleh menjaga diriku sendiri.”

“Empayar Nilam dalam keadaan aman damai, tidak ada sebab bagi sesiapa untuk menyerang Putera Mahkota. Perompak juga jarang-jarang sekali mengganas, hanya satu atau dua kejadian rompakan setiap purnama.”

“Malangnya, di lautan lanun-lanun jauh lebih aktif. Lebih buruk lagi, kerajaan Angkor melindungi mereka dengan membiarkan mereka menggunakan kepulauan di pesisir pantai mereka sebagai markas. Kita pula tidak dapat memasuki kawasan tersebut.”

“Sekarang kita sudah mempunyai kapal Taufan ini yang mampu menghambat segala kapal dan lancang lanun-lanun tersebut. Aku yakin kita mampu menumpaskan mereka. Kau berminat untuk pergi memburu?”

“Memburu lanun? Tentu sekali, tetapi tunggu selepas kita pulang ke Kota Bentayan terlebih dahulu. Kau semacam tidak sabar-sabar untuk beraksi.”

“Aku ada terfikir beberapa taktik baru untuk...”

Putera Fauzi tidak menghabiskan ayatnya apabila terdengar bunyi tapak kaki gesit melangkah ke arah mereka. Mereka berdua menoleh, kelihatan seorang pegawai tentera menghampiri mereka.

“Tuan, mesej penting dari Qadaha.”

Putera Fauzi dan Shah menoleh ke arah Penggawa Ng. “Apakah khabar dari Qadaha?”

“Qadaha diserang oleh tentera Kerajaan Angkor. Mereka menggunakan kapal udara untuk menyerang, kini mereka sudah berada di pinggir kota.”

“Kapal udara? Maksud kamu kapal yang boleh terbang?”

Bersungguh Ng mengiyakan. “Benar, Kerajaan Angkor menggunakan kenderaan yang sedemikian. Kapal itu dilengkapi dengan senjata badai dan jengking.”

“Adakah kamu pasti bahawa mesej itu sah?”

“Maklumat yang disampaikan melalui rangkaian kunang-kunang itu sah, tuan. Turut disertakan kod kecemasan tahap merah dari Markas Qadaha. Kami sudah

memeriksa dengan markas-markas yang lain, mereka juga mengesahkan mesej itu. Sekarang, kita adalah unit yang terhampir dengan Qadaha.”

Segera Putera Fauzi memberi arahan. “Tukar haluan kapal ini ke Qadaha. Kelajuan penuh. Arahkan seluruh pasukan Harimau Nilam bersiap sedia.”

“Baik, tuan. Kami akan berkumpul di anjungan dalam suku jam.”

Ng memberi isyarat tangan kepada kapten yang berada di anjungan kapal. Beberapa layar kecil dinaikkan untuk menambah kelajuan. Setelah itu dia bergegas pergi dan menuruni tangga ke dek bawah.

Putera Fauzi mengeluarkan sebuah sarung tangan dari koceknya dan menyarungkan pada tangan kirinya. Tapak tangannya sudah dibaluti sarung tangan yang serupa. Di belakang kedua-dua tapak tangannya terdapat kristal nilam yang dilekatkan pada sarung tangan itu. Kemudian, kristal nilam itu marak menyala lalu menghasilkan bilah cahaya.

“Bagus, Taji Helang bersedia untuk beraksi. Bagaimana pula dengan Siung Harimau?”

Shah mengambil sebuah batang besi yang bertatah dua kristal nilam dari belakang pinggangnya. Kristal nilam pada sarung tangan Shah menyala tetapi tidak menghasilkan bilah cahaya di situ. Sebaliknya, batang besi itu memanjang lalu membentuk bilah cahaya pada kedua-dua hujungnya.

“Siung Harimau juga bersedia untuk beraksi. Jadi, apa rancangan kamu? Kita menghadapi satu bentuk ancaman baru.”

“Kita ke anjungan kapal, cuba dapatkan lebih banyak maklumat daripada Qadaha.”

---

Sebaik sahaja tiba di anjungan kapal, Putera Fauzi terus mengajukan soalan. “Loga, apakah maklumat yang diterima daripada Qadaha?”

Loga bingkas bangun dan melaporkan kepada Putera Fauzi. “Mereka sudah menumpaskan pertahanan di pinggir kota. Kini musuh sudah memasuki kawasan kota melalui arah utara.”

“Bagaimana kekuatan musuh?”

“Ketumbukan mereka terdiri daripada satu kapal udara. Askar kita menganggarkan bahawa panjang dan lebar kenderaan tersebut setara dengan sebuah gudang.”

“Dilengkapi dengan senjata Badai dan Jengking?”

“Benar, tuan.”

Putera Fauzi diam sejenak untuk berfikir. Shah turut senyap berdiri di sisi Putera Fauzi.

“Mereka hanya datang dengan sebuah kapal udara? Tiada pasukan tentera yang lain?”

Loga berpaling ke arah Shah lalu menjawab. “Tiada, hanya kapal udara itu sahaja. Kuasa pemusnahnya sudah cukup dahsyat.”

“Ada sesuatu yang tidak kena.”

Shah mengerling ke arah Putera Fauzi. “Jika mereka mahu menunjuk-menunjuk senjata baru dan menggertak kita, cukup sekadar mengacah-acah di sempadan.”

“Tetapi mereka nampaknya begitu bertekad untuk masuk ke pusat kota.”

Kata-kata Loga itu membuatkan Shah dan Putera Fauzi makin keras berfikir. Shah kelihatan mencongak sesuatu dengan jari-jemarinya. Putera Fauzi pula mengepal-gepal penumbuknya.

“Bentangkan aku peta Qadaha.”

Sebuah skrol segera dicapai Loga pada rak yang terpaku di dinding anjungan kapal. Gulungan skrol itu dibuka dan dibentangkan di atas meja. Beberapa unit kunang-kunang yang berada di atas meja dialihkan ketepi, setiap satu daripadanya berkelip-kelip. Shah segera meneliti peta itu, jari telunjuknya berjalan di atas peta.

“Apa pendapat kau?”

Pandangan Putera Fauzi dialihkan kepada peta Qadaha. “Mungkinkah mereka mahu melumpuhkan infrastruktur Qadaha sebelum serangan yang seterusnya?”

Shah bersetuju, lalu menokok dengan pendapatnya. “Satu kemungkinan yang kuat. Tetapi kemudahan yang mana satu? Menggunakan senjata Badai dan Jengking bermakna ada had pada jumlah peluru yang dibawa.”

“Tetapi kapal udara itu sendiri sebesar sebuah gudang maka jumlah peluru yang boleh dibawa adalah besar.”

“Namun begitu, keupayaan perkilangan Kerajaan Angkor adalah terhad. Tidak sampai separuh daripada kapasiti pengeluaran Empayar Nilam.”

Putera Fauzi meneliti pada catatan-catatan di atas peta Qadaha. Jarinya berkisar pada kawasan yang ditandakan gudang makanan, lalu diketuk-ketuk pantas.

“Kita perlu melindungi kawasan gudang-gudang makanan. Pihak berkuasa Qadaha masih belum mengagihkan stok makanan ke wilayah-wilayah lain.”

Shah menyoal, “Jadi, kau fikir mereka mahu sabotaj Empayar Nilam?”

“Benar, mereka biasa menggunakan taktik sebegini untuk membuli negeri-negeri kecil yang berjiran dengan mereka. Bijak betul mereka memilih masa sebelum bekalan diagihkan.”

Loga menambah, “Banyak wilayah lain akan terjejas, Qadaha adalah sumber utama makanan bagi kawasan utara Empayar Nilam. Semua wilayah utara Empayar Nilam yang bersempadan dengan Kerajaan Angkor akan terjejas. Lebih-lebih lagi Kota Kilat kerana tanaman mereka tahun ini diserang penyakit.”

“Teruskan berhubung dengan Qadaha. Dapatkan corak pergerakan musuh, dengan itu kita akan dapat membuat perancangan yang lebih mantap.”

“Baik, tuan.”

Sebentar kemudian, kesemua ahli Harimau Nilam telah berkumpul di anjungan. Ng di hadapan sekali, memberi tabik hormat. Di belakangnya pula adalah sebaris ketua pasukan yang mendahului ahli pasukan mereka. Kesemuanya telah memakai kelengkapan tempur penuh.

Putera Fauzi membalas tabik hormat dan terus memulakan taklimat. “Kita berhadapan dengan satu misi kecemasan di Qadaha. Kota itu telah diserang Kerajaan Angkor yang menggunakan sebuah kapal udara. Setakat ini, pasukan tentera kita di sana masih tidak mampu mematahkan serangan musuh.”

Suasana riuh sebentar, anggota-anggota Harimau Nilam terkejut mendengar taklimat Putera Fauzi itu. Mereka saling bertanya tentang kewujudan kapal udara. Rata-rata mereka berkerut dahi apabila memikirkan tentang kapal udara.

Putera Fauzi menyambung lagi, mereka terus senyap. “Tugas ini adalah tugas getir. Selama ini, kapal udara mungkin satu dongengan sahaja bagi kita. Namun, hari ini kita akan berhadapan dengannya. Lebih penting lagi, kita perlu mencari jalan menumpaskannya.”

“Apakah keutamaan kita?”

Loga segera melaporkan maklumat terkini, “Batalion Qadaha telah pun menyusun semula pasukan mereka dan menumpukan pertahanan terhadap beberapa infrastruktur penting seperti gudang-gudang dan jambatan-jambatan.”

Ng pula menyoal, “Bagaimanakah corak pergerakan musuh?”

“Masih terus menuju ke pusat kota. Mereka sudah mula memusnahkan beberapa jambatan kecil dengan melancarkan lembing-lembing berapi. Jika berlanjutan, pergerakan anggota dalam Qadaha akan terganggu.”

Putera Fauzi kembali bersuara, “Bagaimana dengan pertahanan Istana Qadaha? Itu adalah lokasi menara kristal untuk rangkaian kunang-kunang bagi seluruh Qadaha. Tidak silap saya, sepatutnya dua platun ditugaskan di Bukit Genta.”

“Tunggu sebentar, saya perlu mendapat kepastian tentang perkara itu.”

Tangan Loga segera mencapai salah satu kunang-kunang yang berada di atas meja itu. Jari-jemarinya pantas menekan punat-punat yang ada untuk menghantar mesej ke Qadaha. Kristal pemancar alat itu berkelip-kelip buat beberapa saat sesudah mesej itu habis ditulis.

Shah berpaling kepada Putera Fauzi, “Kau gusar tentang Istana Qadaha?”

“Benar, kedudukannya terlalu terdedah kepada serangan dari udara. Lokasinya memang menonjol berbanding wilayah Qadaha yang rata-ratanya bertanah pamah. Kita juga perlu memastikan Gabenor Qadaha dan seluruh kakitangan istana dibawa ke tempat yang selamat.”

“Adakah mungkin musuh menuju ke Istana Qadaha?”

Dengan merujuk kepada peta, Loga menerangkan, “Mereka sudah melepasi mukim Kayu dan mukim Tampi, jika mereka terus bergerak sebegini bermakna laluan mereka memang terus ke Bukit Genta.”

“Tuan, Istana Qadaha berada dalam keadaan bahaya. Dua platun tidak cukup untuk mempertahankannya.”

Putera Fauzi angguk, bersetuju dengan pendapat Ng. “Saya sedar perkara itu, lebih-lebih lagi kemungkinan besar kawasan teras kota tidak mempunyai banyak anggota. Kekalahan pertahanan di sempadan menyebabkan banyak anggota dihantar keluar. Harimau Nilam akan mengisi kekosongan itu.”

Kunang-kunang yang digunakan oleh Loga tadi berkelip-kelip kembali. Beberapa simbol mula terbentuk pada paparan kristal alat tersebut. Loga segera menafsirkan maksud simbol-simbol itu.

“Gabenor Engku Rahman berada di luar istana semasa serangan berlaku dan baru dalam perjalanan pulang. Justeru, penghuni Istana Qadaha masih belum dibawa keluar ke tempat yang selamat kerana kunci terowong keselamatan berada pada beliau.”

“Jika begitu, misi kita adalah untuk membawa keluar penghuni Istana Qadaha. Kapten, pertama sekali turunkan kami di pelabuhan Qadaha. Selepas itu, bawa Taufan ke jeti di Sungai Genta. Bersedia untuk membawa keluar penghuni Istana Qadaha ke Kota Jugra.”

“Baik, tuan.”

“Harimau Nilam sekalian, dengar baik-baik. Penggawa Ng dan pasukannya akan mengukuhkan pasukan pemanah yang sedia ada. Pasukan Hatta pula bertanggungjawab untuk masuk ke dalam Istana Qadaha dan membawa keluar penghuninya. Abdullah pula mengepalai pasukan tempur untuk bersama saya dan Shah di luar Istana Qadaha. Hamzah dan pasukan penembak jengking pula ditugaskan untuk menyerang Garuda.”

Dia beralih kepada Loga pula, “Kamu tunggu di Taufan, pastikan bahawa penghuni Istana Qadaha selamat dibawa ke Kota Jugra. Terutamanya Engku Rahman dan keluarganya. Tidak perlu tunggu kami semua pulang, terus beredar sebaik sahaja mereka semua selamat tiba bersama pasukan pengiring.”

Shah bertanya kepada Putera Fauzi, “Maka, kita akan tinggal di Qadaha?”

“Ya, kita akan cuba sedaya-upaya untuk menumpaskan musuh. Sekiranya kita tidak mampu mengusir mereka keluar, kita akan berundur melalui jalan darat. Kita perlu mengalihkan perhatian musuh kepada Engku Rahman dan keluarganya. Semua faham?”

Keseluruhan anggota Harimau Nilam menjawab serentak. “Faham, tuan!”

“Bagus, mari kita turun ke dek pendaratan untuk bersiap-sedia. Kita perlu menghentikan kemaraan tentera Angkor. Rakyat jelata perlu dilindungi daripada diganasi oleh tentera Angkor. Berjuanglah demi agama, bangsa, dan tanah air!”

Ucapan penuh semangat dari Putera Fauzi disambut oleh Ng. “Lakukanlah misi ini sepenuh jiwa. Moga kita diberkati oleh-Nya. Tuhan Maha Besar! Tuhan Maha Besar!”

Keseluruhan Harimau Nilam mengaum menyambut laungan semangat itu. Senjata mereka dijulung ke udara, kristal nilam di kura tangan pula marak menyala.

Taufan segera berlabuh di Pelabuhan Qadaha yang sudah agak lengang. Hanya kapal Putera Fauzi itu sahaja yang memasuki pelabuhan tersebut, menentang arus kapal-kapal lain yang berlayar keluar.

Tiba di jeti, krew Taufan segera mengubah kedudukan dek pendaratan agar sama aras dengan jeti pelabuhan. Putera Fauzi dan Shah terlebih dahulu memacu kuda mereka keluar dari Taufan. Kemudian diikuti oleh pasukan Ng, Hatta, dan Abdullah. Pasukan Hamzah adalah yang terakhir meninggalkan Taufan. Mereka membawa senjata jengking menggunakan pedati.

“Ayuh, kita bersegera ke Istana Qadaha!”

Putera Fauzi pantas memacu kudanya ke arah tenggara. Terus menuju ke arah Istana Qadaha yang tersergam di atas Bukit Genta. Pasukan Harimau Nilam segera mengikuti langkah ketua mereka dalam satu barisan yang teratur.

Setelah memasuki jalan besar, mereka menukar formasi. Pasukan Abdullah mengambil tempat di belakang Putera Fauzi dan Shah. Pedati-pedati pasukan jengking Hamzah pula membuntuti mereka.

Setelah itu, Ng mengarahkan pasukannya berpecah dua dan mengapit pasukan Hamzah. Pasukan Hatta pula melengkapkan formasi itu dengan mengawal bahagian belakang.

Derap langkah tangkas kuda-kuda tunggangan mereka melayangkan debu udara. Mata Shah melirik ke arah utara, Garuda semakin menghampiri Sungai Qadaha. Di belakangnya sudah berekor kemusnahan. Api marak menyala, asap berkepul ke udara. Rakyat jelata bertempiaran menyelamatkan diri.

Kawasan pelabuhan Qadaha segera ditinggalkan, mereka kini sedang merentasi kawasan perdagangan. Deretan kedai beratur di kanan mereka, Sungai Qadaha pula mengapit dari kiri. Hampir semua pintu dan tingkap kedai-kedai itu bertutup rapat.

Kedai-kedai yang belum ditutup pula sedang sibuk mengumpulkan penghuninya. Ada yang kebetulan berkunjung juga turut menumpang untuk berlindung. Tidak lama kemudian jalan itu lengang melainkan Putera Fauzi dan pasukannya.

Pasukan Harimau Nilam meningkatkan kelajuan mereka, Istana Qadaha perlu dipertahankan dan para penghuninya perlu diselamatkan.

---

Apabila pasukan Harimau Nilam tiba di Istana Qadaha, Engku Rahman juga baru tiba di situ. Malah, beliau masih belum turun dari pedatinya.

Putera Fauzi turun dari kudanya lalu diikuti oleh anggota-anggota Harimau Nilam yang lain. Para pengawal istana pula segera datang dan membawa kuda-kuda itu ke belakang istana.

“Ambil kedudukan masing-masing, bersedia untuk menghadapi musuh!”

Ng dan Waqi memimpin para pemanah naik ke anjung atas Istana Qadaha. Mereka bergabung tenaga dengan para pengawal yang sedia ada di situ. Kesemuanya sudah bersedia untuk melepaskan anak panah daripada busur.

Putera Fauzi dan Shah pula bertahan di balai istana bersama Abdullah, Emrullah dan beberapa anggota lainnya. Kesemuanya menggunakan senjata kristal untuk tempur jarak dekat seperti bilah cahaya, pedang, lembing dan kapak. Kristal senjata-senjata itu marak menyala, bersedia untuk menyerang.

Ma Khan dan Hatta bersama empat orang anggota pula berjumpa dengan Engku Rahman. Hatta memperkenalkan dirinya dan meminta Gabenor Qadaha itu menyerahkan kunci terowong kecemasan.

Engku Rahman mengambil kunci yang tersangkut di pinggangnya lalu menyerahkannya kepada Hatta.

“Ini kuncinya, kamu sepatutnya tahu di mana lokasi pintu terowong itu kerana kamu tahu kewujudan terowong tersebut. Saya serahkan kepada kamu untuk menguruskan pergerakan keluar kami.”

“Amanah ini akan saya akan lakukan dengan sebaiknya. Tuan, sila ikut kami ke dalam istana.”

Di dalam istana, suasananya sudah gamat dek para penguni yang mahu menyelamatkan diri. Ada para inang yang sibuk membungkus barangan, bentara pula ada yang semacam mencari-cari sesuatu. Keadaan tambah kalut dengan tangisan dan teriakan kanak-kanak yang ketakutan.

Hatta segera memberi arahan kepada para penghuni istana, “Semua orang sila bertenang, kami akan membawa anda ke tempat yang lebih selamat melalui terowong kecemasan. Sila beri perhatian atas arahan kami.”

Mereka semua segera terdiam mendengar arahan daripada Hatta. Melihat keadaan yang sudah agak terkawal, Hatta menyambung bicara.

“Sila berkumpul dalam kedaan teratur. Orang berumur, kanak-kanak dan wanita sila berkumpul di sebelah kanan saya. Para lelaki dewasa pula sila berkumpul di sebelah kiri saya.”

Mulanya, mereka menggemam seketika dan berpandangan sesama sendiri. Namun setelah Hatta mengulangi arahannya, baru mereka mereka berkumpul mengikut arahan yang diberikan. Lebih-lebih lagi apabila Engku Rahman sendiri turut mengikuti arahan tersebut.

Tidak ramai lelaki dewasa yang berada di dalam istana. Selain Engku Rahman, hanya beberapa orang pegawai dan bentara yang merupakan petugas lelaki di dalam istana. Kebanyakan petugas lelaki adalah pengawal yang berada di luar.

Ma Khan menghampiri Hatta dan mengambil kunci terowong daripadanya. “Taufan sudah berada di lokasi yang ditetapkan, kita sudah boleh bergerak sekarang.”

Hatta membalas, “Bawa orang berumur, kanak-kanak dan wanita ke terowong kecemasan. Selebihnya, tunggu di sini bersama saya. Kamu berdua, iringi mereka.”

Dua orang anggota di sebelah kanannya segera mengikuti Ma Khan. Isteri Engku Rahman adalah yang terawal mula melangkah meninggalkan balai tersebut. Sebelum pergi, Engku Rahman sempat berpesan kepada isterinya.

“Ikut arahan mereka, pasukan Putera Fauzi sendiri yang menguruskan perkara ini. Pastikan anak-anak kita bersama kamu.”

“Saya ingat pesanan itu, segeralah mengikuti kami meninggalkan istana ini.”

Engku Rahman sekadar angguk dan Ma Khan mula membawa para penghuni istana ke arah dapur.

---

“Tuan, kapal udara itu telah menurunkan pasukan penyerang!”

Selang laungan Ng, Hamzah pula memberi arahan kepada pasukannya. “Musuh sudah berada menghampiri bukit ini. Penembak jengking, bersedia!”

Para penembak jengking di menara istana mengemaskan genggamannya pada picu senjata mereka. Sasaran pula ditetapkan kepada kapal udara Angkor yang semakin menghampiri. Tangan mereka sedikit ketar, namun masih utuh bersedia untuk menyerang.

Putera Fauzi dapat melihat sepasukan askar Angkor pantas mendarat menggunakan tali-tali yang bergantung dari perut kapal udara itu. Ng pula segera mengarahkan pasukan pemanah untuk menyerang semasa mereka sedang turun. Hanya beberapa bidikan mereka mengena, kebanyakan askar-askar Angkor dapat meneruskan pergerakan mereka menaiki Bukit Genta.

Tidak berputus asa, Ng mengarahkan serangan susulan dilakukan ke atas askar-askar yang menghampiri. Hasilnya tidak memberangsangkan, serangan anak panah mereka mudah ditepis askar-askar Angkor yang mempunyai senjata kristal. Beberapa orang daripada mereka turut membentuk perisai cahaya untuk melindungi mereka daripada serangan yang bertalu-talu.

Kapal udara itu bergerak seiring dengan pasukan penyerang yang berada di darat. Apabila mereka berada beberapa puluh kaki dari kedudukan Putera Fauzi, kapal udara Angkor memulakan serangan dengan menggunakan senjata badai.

“Sayap Helang!”

Letusan cahaya muncul dari Taji Helang di tangan Putera Fauzi dan membentuk satu perisai cahaya di hadapan mereka. Berdesir bunyinya apabila damak-damak besi yang dilancarkan dari Garuda menghentam perisai cahaya tersebut.

Penembak-penembak jengking Empayar Nilam kemudiannya menyerang balas dengan melancarkan empat buah lembing serentak. Garuda segera meninggikan kedudukannya untuk mengelakkan serangan lembing-lembing jengking itu. Namun, satu lembing sempat menghentam bahagian hadapan Garuda dan menyebabkan kerosakan pada senjata badainya.

Putera Fauzi mengecilkan perisai cahaya yang terhasil dari Taji Helang kepada bilah cahaya. Ketika itu, pasukan penyerang Angkor sudah berada begitu hampir dengan mereka. Bilah-bilah cahaya tentera Angkor dan Nilam mula berlaga.

Abdullah kini dikelilingi tiga orang penyerang tetapi tidak sedikit pun dia goyah. Dengan satu hayunan yang pantas dia melibaskan kapak kristalnya. Ketiga-tiga penyerang itu berundur ke belakang.

Salah seorang penyerang itu kelihatan seperti hilang keseimbangan. Peluang keemasan tidak dilepaskan, Abdullah meluru dan memberikan satu cantasan di bahagian peha. Penyerang itu tumbang, darah bercucuran dari lukanya.

Dua penyerang yang tinggal meluru ke arah Abdullah. Kaki Abdullah segera menguis tanah, melayangkan debu-debu ke udara. Terganggu dengan anasir-anasir yang merengaskan mata, serangan mereka tersasar jauh daripada Abdullah.

Tanpa memberi peluang mereka memulihkan penglihatan, satu letusan cahaya dilancarkan dari kapak kristalnya. Serangan itu tidak dapat dielak oleh mereka, dada mereka robek dimamah letusan cahaya dari senjata Abdullah.

Sementara itu, Putera Fauzi berpasangan dengan Shah. Mereka dikerumuni oleh empat orang penyerang yang mempunyai senjata kristal. Sinar dari bilah-bilah cahaya itu menambah silau kepada hari yang terik.

“Serang!”

Serentak dengan teriakan itu empat orang penyerang meluru ke arah mereka berdua. Putera Fauzi menahan serangan daripada kapak kristal dengan bilah cahaya pada tangan kiri. Bilah cahaya dari tangan kanan pula bergeser dengan bilah cahaya dari sebuah pedang kristal. Mereka bertiga terkunci, masing-masing bersungguh-sungguh bertahan pada kedudukan sendiri.

Shah lebih bernasib baik, dia berjaya membentres seorang penyerang terlebih dahulu dengan lembingnya. Berhadapan hanya seorang musuh, Shah mudah menahan tikaman yang ditujukan kepadanya lalu membalas dengan serangan bertalu-talu.

Sungguhpun mempunyai dua pedang kristal, penyerangnya itu tidak mampu berterusan menghadapi tikaman-tikaman dari Shah. Jangkauan Siung Harimau yang lebih jauh menyukarkan untuk penyerang itu menghampiri Shah.

Apabila dia mahu melompat ke sisi untuk mengelakkan serangan, bahunya terkena anak panah daripada Ng. Shah melibas Siung Harimau dan melayangkan kedua-dua pedang cahaya penyerangnya itu. Serangan penyudah ke perut pula menamatkan riwayatnya.

“Shah, bantu aku di sini!”

Dengan satu lompatan, Shah melayangkan dirinya ke udara dan menerjah kepada penyerang yang berada di sebelah kiri Putera Fauzi. Hanya satu bilah cahaya dinyalakan tetapi membentuk serampang dua mata. Terkejut dengan kehadiran Shah, dia berundur daripada Putera Fauzi dan bersedia untuk menahan serangan.

Keadaan itu memudahkan Putera Fauzi menghadapi musuh yang berada di sebelah kanannya. Tangan kirinya cuba untuk menikam dengan bilah cahaya tetapi dihalang dengan sebuah pisau belati kristal.

Putera Fauzi menderam dalam bahasa Angkor, “Berani betul kau datang ke Qadaha tanpa dijemput!”

“Aku mahu uji sendiri kehebatan Putera Mahkota Empayar Nilam yang kononnya sangat hebat bertempur.”

“Jika itu yang kau mahu, aku tidak akan menghampakan kau. Sudah menjadi adat Empayar Nilam untuk memberi layanan yang terbaik!”

Putera Fauzi melompat ke belakang, menjarakkan dirinya beberapa langkah. Kesempatan itu digunakannya untuk menukar bilah cahaya kirinya kepada bentuk kerambit. Bentuknya laksana cakar burung pemangsa.

Beberapa detik kemudian askar Angkor itu meluru ke arah Putera Fauzi. Kerambit cahaya Putera Fauzi pantas menangkap pisau belati kristal yang ditujukan kepadanya. Dengan satu kilasan tangan, Putera Fauzi mengalihkan pisau belati kristal itu dari gengaman tuannya.

Tanpa halangan, Putera Fauzi mencederakan lengan penyerangnya itu dengan kerambit cahaya. Berang, askar Angkor itu membalas dengan hayunan pedang cahaya. Putera Fauzi mengilas pedang cahaya itu ke bawah dengan menggunakan bilah cahaya dan membuka peluang serangan.

Kaki Putera Fauzi melangkah setapak ke hadapan dan tangan kirinya pantas menumbuk muka askar Angkor itu. Ditambah dengan kerambit cahaya yang

mengenai urat leher, askar Angkor itu jatuh bergolek. Tubuhnya menggelepar beberapa ketika sebelum menemui ajal.

Shah juga berjaya menumpaskan seorang lagi penyerang. Setelah itu dia segera kembali ke sisi Putera Fauzi, bersedia untuk menghadapi serangan yang berikutnya. Mereka berdua kemudiannya pergi mendapatkan Abdullah dan Emrullah.

“Semua penyerang telah berjaya dihapuskan.”

“Usah terlalu gembira, kapal udara itu masih mengancam kita.”

Beberapa lembing besi dilancarkan dari kapal udara itu ke arah menara barat Istana Qadaha. Serangan itu kurang berkesan, jaring besi yang direntang sekeliling menara itu menyerap hentaman senjata tersebut.

Askar-askar Empayar Nilam menyerang balas dengan serangan jengking dari menara istana. Jengking-jengking yang berada di sekitar Istana Qadaha turut digunakan untuk menyerang.

Sekali lagi, serangan balas dari jengking-jengking Empayar Nilam ternyata sia-sia. Hanya dua lembing yang dilancarkan mengenai kapal udara Angkor. Itu pun sipi-sipi sahaja.

Seorang lelaki ketawa kuat dari anjungan kapal udara itu. Di tangan kirinyanya terdapat sebuah lembing kristal, bilah cahayanya marak menyala. Di leher senjatanya pula terbentuk bilah cahaya berbentuk panji. Panji cahaya itu berkitar mengikut angin.

“Garuda ini terlalu ampuh buat kamu. Percayalah, mengalahkan kamu semua semacam mencantas batang pisang dengan lembing Payanak ini.”

Putera Fauzi segera mengecam lelaki tersebut, lalu melaung kembali. “Gaa Lee, marilah ke bawah bertempur denganku. Hanya panglima pengecut seperti kau sahaja yang sekadar bercakap tetapi tidak berlawan.”

Panglima Gaa Lee mengambil sebuah pedang kristal dan mengaktifkan bilah cahayanya. Pedang kristal itu digenggam erat oleh tangan kanannya.

“Tidak berbaloi aku mencemar duli turun ke tanah jajahan kamu untuk bertempur. Terimalah seranganku ini!”

Pedang kristal itu dilontarnya ke arah jaring besi yang melindungi menara barat Istana Qadaha. Rantai-rantai besi yang mengikat jaring tersebut putus dimamah bilah cahaya tersebut. Jaring besi itu berderai jatuh dengan bunyi yang sungguh mbingitkan.

Kemudian, Garuda menjunam ke arah menara tersebut. Penembak jengking di atas menara itu segera melancarkan beberapa buah lembing. Bagai dirasuk, Panglima Gaa Lee sendiri melompat ke bahagian hadapan Garuda dan mengitarkan Payanak.

Sambil ketawa berdekah-dekah, panglima Angkor itu menepis lembing-lembing yang menerjah ke araha Garuda. Garuda kini begitu hampir dengan menara tersebut. Sayap besi Garuda menghentam dinding luar menara yang dibina daripada batu dan kayu.

Tiang-tiang sokongannya musnah satu persatu, menyebabkan puncak menara itu condong. Garuda pula telah kembali terbang ke aras yang lebih tinggi dan berlegar-legar di sekitar Istana Qadaha.

Hamzah memberi arahan kepada pasukannya, “Kosongkan kawasan ini, menara itu akan runtuh bila-bila masa sahaja!”

Tiba-tiba, ekor mata Putera Fauzi menangkap kelibat seorang budak kecil tidak jauh daripada menara tersebut. Ketika itu pasukan penembak jengking telah pun berundur dari kawasan tersebut.

Hanya tinggal dua tiang yang menyokong puncak menara tersebut. Putera Fauzi segera meluru ke arah budak tersebut. Sambil berlari, kedua-dua tangannya didepangkan.

“Sayap Helang!”

Dua perisai cahaya muncul dari kura tangan Putera Fauzi lalu dia menerkam ke arah budak tersebut. Satu lagi tiang penyokong telah musnah, puncak menara itu sudah seperti telur di hujung tanduk.

Putera Fauzi memeluk budak tersebut dan pada masa itu juga perisai cahaya itu membesar lantas menyelubungi mereka berdua. Perlindungan itu tepat pada masanya kerana ketika itu juga puncak menara itu jatuh menyembah bumi.

“Fauzi!”

# Latar dunia

Peristiwa yang berlaku dalam Saga Empayar Kristal ini berlaku di bumi sekitar kurun ke-15. Dunia ini berbeza dari segi teknologi kerana teknologi serbuk letupan tidak tercipta. Sebaliknya kristal-kristal kuasa berwarna biru menjadi teras teknologi dunia ini.

Dunia ini juga dalam era imperialis, dengan beberapa empayar menguasai dunia. Watak-watak utama siri ini berasal dari Empayar Nilam yang berpusat di Kota Bentayan. Empayar Nilam menguasai sebahagian besar Nusantara.

Walaupun tidak sebesar empayar-empayar lain, Empayar Nilam begitu kaya hasil perdagangan. Tambahan pula Empayar Nilam turut menguasai lombong kristal. Empayar Nilam bersahabat dengan Empayar Aziziah yang berpusat di Istanbul dan mereka mempunyai perjanjian pertahanan yang ekstensif.

Hero cerita ini iaitu Putera Fauzi menuntut di Akademi Tentera Empayar Aziziah. Juga terdapat perkongsian teknologi antara kedua-dua empayar itu.

Empayar Nilam juga menjalin hubungan dagang dengan Empayar Han di China. Warga Empayar Han ada yang telah berhijrah ke Empayar Nilam. Salah seorang watak pembantu iaitu Lim, adalah keturunan Han. Empayar Han ini adalah kebangkitan semula selepas kejatuhan mereka pada 220M.

Selain daripada Empayar-empayar ini, terdapat juga negeri-negeri bebas seperti Kepulauan Azur dan Kerajaan Angkor. Kepulauan Azur kaya dengan lombong kristal dan menjadi pembekal utama kepada Empayar Aziziah. Pertahanan Kepulauan Azur adalah di bawah tanggungjawab bersama Empayar Aziziah dan Empayar Nilam.

Kerajaan Angkor bersempadan dengan Empayar Nilam dan sedang meluaskan pengaruhnya. Adakalanya mereka turut membiayai aktiviti-aktiviti lanun. Lanun adalah ancaman bagi perdagangan antara Empayar Nilam dengan Empayar Aziziah serta Empayar Han.